

Malaysia capai tahap perpaduan membanggakan

UM - 2/7/2007

PETALING JAYA 1 Julai – Malaysia mencapai tahap perpaduan nasional yang amat membanggakan walaupun negara ini dihuni oleh rakyat pelbagai kaum yang begitu kompleks sifatnya sejak 50 tahun lepas, kata pakar sains politik, Dr. Chandra Muzaffar.

Berbanding negara lain yang turut mempunyai masyarakat pelbagai kaum, keharmonian hubungan kaum di Malaysia mencapai tahap yang boleh dibanggakan, jika diukur daripada jumlah keganasan antara kaum yang begitu rendah kadarnya di negara ini, kata beliau kepada Bernama di sini hari ini.

“Kesimpulan ini dicapai melalui analisis yang dibuat secara cukup objektif dan berbanding masyarakat pelbagai kaum di kebanyakan negara lain, kadar keganasan antara kaum di Malaysia begitu minimum sekali.

“Kami dapati, dalam kebanyakan masya-

rakat pelbagai kaum, tanda-tanda ketidakupayaan mereka menangani aspek ini dapat dilihat dengan begitu ketara melalui kadar keganasan yang berlaku,” kata Dr. Chandra, yang juga Presiden International Movement for a Just World (JUST).

Walaupun banyak negara lain juga mempunyai masyarakat pelbagai etnik, namun keadaan mereka tidak begitu kompleks, berbanding di Malaysia, kata beliau.

“Kita lebih kompleks berbanding masyarakat pelbagai etnik di India, Lubnan atau Ireland. Dalam kes Ireland, pada suatu ketika, perbezaan daripada segi ekonomi dan agama begitu ketara, berbanding sekarang, contohnya antara pengikut Protestan dan Katolik, walaupun mereka memiliki latar belakang etnik dan bahasa yang sama.

“Bagi rakyat Lubnan pula, walaupun mereka berbeza daripada segi agama — antara

penganut Kristian, puak Sunnah dan Syiah — tapi pada dasarnya, mereka adalah orang Arab yang menggunakan bahasa yang sama,” kata beliau.

Jika dibandingkan dengan rakyat Malaysia, kata Dr. Chandra, persamaan yang wujud antara pelbagai kaum di negara ini, amat sedikit.

Perbezaan

“Kita ada perbezaan daripada segi sejarah, latar belakang bahasa dan agama, dikotomi politik dan pada suatu ketika, kita juga dilanda perbezaan dalam bidang ekonomi yang lebih serius berbanding sekarang,” katanya.

Beliau bagaimanapun berkata, dalam keadaan itu pun, Malaysia berjaya mencapai

pertumbuhan ekonomi dan ekuiti, dengan hanya 5.8 peratus daripada penduduknya hidup di bawah paras kemiskinan.

Katanya, Malaysia juga memberi kebebasan kepada rakyatnya untuk menyuarakan pendapat.

“Parlimen kita juga sentiasa berfungsi, kecuali bagi tempoh lebih kurang 17 bulan berikutan Peristiwa 13 Mei.

“Birokrasi kita juga berfungsi dengan baik serta memberi khidmatnya kepada orang ramai dan jika dilihat pada kes rasuah, ia tidaklah seserius di negara jiran,” katanya.

Dr. Chandra berkata, jika dilihat daripada perspektif ini, rakyat Malaysia akan nampak betapa banyaknya kejayaan yang dicapai oleh negara kita dalam mengurus kombinasi masyarakat pelbagai kaum di Malaysia yang begitu kompleks sifatnya.

— Bernama